



PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 26 TAHUN 2020

ARAHAJ KERJA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA PROSES KERJA TANAMAN MENGAYA SECARA KONTRAK

1.0 TUJUAN

- 1.1 Arahan kerja ini bertujuan untuk menggariskan Proses Kerja aktiviti Tanaman Mengaya Secara Kontrak bagi membantu memulihkan kandungan dirian hutan simpanan kekal supaya mencapai tahap yang dikehendaki terutamanya daripada segi komposisi jenis-jenis spesies berpasaran dan bermutu tinggi dalam pelaksanaan pengurusan hutan secara berkekalan.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Tanaman mengaya merupakan suatu rawatan pemulihan hutan ke atas kawasan hutan miskin, kawasan lapang dan kawasan hutan yang telah diusaha hasilkan. Aktiviti tanaman mengaya akan membantu meningkatkan produktiviti sesuatu kawasan hutan supaya mencapai tahap yang dikehendaki terutamanya dari segi komposisi spesies berpasaran dan bermutu.
- 2.2 Secara amnya tiga (3) jenis kawasan yang perlu dijalankan tanaman mengaya iaitu:
 - (i) kawasan hutan miskin di mana aktiviti tanaman mengaya akan memastikan kawasan ini dipenuhi semula dengan pokok-pokok spesies tempatan yang berpasaran dan bermutu tinggi;
 - (ii) Kawasan hutan yang telah diusahasilkan di mana aktiviti tanaman mengaya dilaksanakan berdasarkan keputusan Inventori Hutan Selepas Tebangan (*Post-F*) bagi kawasan-kawasan yang tidak mempunyai kecukupan stok dirian tinggal; dan
 - (iii) Kawasan lapang iaitu bekas matau, bekas tapak kongsi, lorong penarik dan kawasan tanaman pindah yang telah ditinggalkan di mana aktiviti tanaman mengaya akan memulihkan semula kawasan ini.

3.0 SKOP KERJA

- 3.1 Arahan kerja ini merangkumi proses kerja bagi kerja persediaan di pejabat dan pelaksanaan kerja di lapangan untuk aktiviti tanaman mengaya yang dilaksanakan secara kontrak.
- 3.2 Arahan kerja ini digunakan oleh Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) bagi menjalankan kerja-kerja tanaman mengaya bagi hutan darat dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang telah diusaha hasilkan.

4.0 TANGGUNGJAWAB

- 4.1 Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM)/Pengarah Perhutanan Negeri (PPN)/Pegawai Hutan Daerah/Jajahan (PHD) adalah bertanggungjawab menentukan arahan kerja ini dipatuhi. Pematuhan ini merangkumi sesiapa jua yang terlibat dengan pelaksanaan aktiviti tanaman mengaya secara kontrak di lapangan juga perlu mematuhi arahan kerja ini.
- 4.2 Kegagalan mana-mana orang dalam mematuhi pelaksanaan arahan kerja ini boleh dikenakan tindakan undang-undang atau tatatertib.

5.0 KAEDAH PELAKSANAAN

5.1 Punca Kuasa

5.1.1 Punca kuasabagi melaksanakan arahan kerja ini adalah berpandukan sepetimana berikut:

- i. Minit Mesyuarat Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-37 yang telah diadakan pada 29 Oktober hingga 1 November 2017 di Terengganu.
- ii. Minit Mesyuarat Kajian Semula Proses Kerja JPSM yang telah diadakan pada 22 Julai 2018 hingga 24 Julai 2018 di Genting Highlands, Pahang.

5.2 Dasar dan Perundangan

5.2.1 Kerajaan adalah komited dalam memastikan bahawa sumber hutan negara akan dibangunkan secara berkekalan sebagaimana terkandung dalam kenyataan Dasar Perhutanan Negara (DPN) 1978.

5.2.2 Undang-undang yang digunakan bagi arahan kerja ini ialah Kanun Tanah Negara 1965, Akta Perhutanan Negara 1984 dan Kaedah-Kaedah Hutan.

5.3 Pelaksanaan arahan kerja ini melibatkan pelbagai lapisan personel. Tindakan dan tanggungjawab terhadap proses kerja Tanaman Mengaya Secara Kontrak ini adalah seperti berikut:

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
5.3.1	Merangka pelaksanaan aktiviti tanaman mengaya secara kontrak bagi tahun semasa.	PPPN/PHD
5.3.2	Menyediakan Pelan Kawasan Kerja Tanaman Mengaya dan Pelan Blok Tanaman Mengaya.	PP/PH
5.3.3	Menyemak dan mengesahkan Pelan Kawasan Kerja Tanaman Mengaya dan Pelan Blok Tanaman Mengaya.	PPPN/PHD
5.3.4	Menyedia spesifikasi kerja tanaman mengaya secara kontrak.	PPPN/PPH
5.3.5	Menyemak dan mengesahkan Speksifikasi Kerja Tanaman Mengaya Secara Kontrak.	TPPN/ PPPN
	5.3.5.1 Sekiranya speksifikasi kerja tidak tepat ulangi semula proses 5.3.4.	
	5.3.5.2 Sekiranya spesifikasi kerja tepat terus ke proses 5.3.6.	
5.3.6	Menjalankan kajian harga pasaran bagi pelaksanaan aktiviti tanaman mengaya secara kontrak.	PPPN/PPH
5.3.7	Menyediakan anggaran harga jabatan berdasarkan kajian pasaran harga.	TPPN/ PPPN
5.3.8	Menentukan kaedah tawaran perolehan kerja berdasarkan Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa.	TPPN/ PPPN
5.3.9	Membuat tawaran perolehan kerja mengikut kaedah yang telah ditentukan berdasarkan Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa.	TPPN/ PPPN
5.3.10	Menyediakan inden kerja, dokumen perolehan atau surat lantikan.	TPPN/ PPPN/PPH
5.3.11	Menyemak inden kerja, dokumen perolehan atau surat lantikan (Jika dokumen disediakan oleh PPH).	TPPN/ PPPN
	5.3.11.1 Sekiranya speksifikasi kerja tidak tepat ulangi semula proses 5.3.10.	

	5.3.11.2 Sekiranya spesifikasi kerja tepat terus ke proses 5.3.1.	
5.3.12	Menandatangani inden kerja, dokumen perolehan atau surat lantikan bersama dengan kontraktor.	PPN/TPPN/ PPPN
5.3.13	Menyerahkan kepada kontraktor perkara-perkara berikut: (i) Inden kerja, dokumen perolehan atau surat lantikan; (ii) Spesifikasi Kerja Tanaman Mengaya Secara Kontrak (iii) Pelan Kawasan Kerja Tanaman Mengaya Secara Kontrak; dan (iv) Pelan Blok Tanaman Mengaya.	TPPN/ PPPN
5.3.14	Merekod dalam Buku Daftar Stok bilangan anak benih yang dibekalkan kepada kontraktor (sekiranya anak benih dibekalkan oleh jabatan).	PH/PTK/PT
5.3.15	Memeriksa, mengesahkan dan merekod anak benih dan/atau baja yang dibekalkan oleh kontraktor memenuhi spesifikasi yang ditetapkan (sekiranya anak benih dan baja dibekalkan oleh kontraktor).	PPN/PPH
5.3.16	Menentu kedudukan, menanda dan mengesahkan Pusat Ikatan (PI) bagi Stesen Permulaan Sempadan (SPS) Blok Tanaman Mengaya.	PRH
5.3.17	Menentu, menanda dan menunjukkan kepada kontraktor SPS Blok Tanaman Mengaya dan membenarkan kontraktor melaksanakan kerja-kerja penyediaan sempadan Blok Tanaman Mengaya.	PRH
5.3.18	Menentu, menanda dan menunjukkan kepada kontraktor PGT Blok Tanaman Mengaya di lapangan selepas kerja penyediaan sempadan Blok Tanaman Mengaya siap dilaksanakan.	PRH
5.3.19	Membenarkan kontraktor menjalankan kerja-kerja penanaman tanaman mengaya.	Ketua Pasukan Semakan
5.3.20	Menyedia dan mengemukakan Laporan Semakan Kerja Penyediaan Blok Tanaman.	Ketua Pasukan Semakan
5.3.21	Menyediakan Pasukan Semakan dan membuat semakan 100 peratus keluasan kawasan tanaman.	PPN/PHD
5.3.22	Menyemak kerja-kerja penanaman yang telah dilaksanakan di lapangan.	Ketua Pasukan Semakan

	5.3.22.1 Mengarahkan kontraktor mengulangi kerja penanaman bagi kerja yang tidak memenuhi spesifikasi kerja. 5.3.22.2 Sekiranya mengikut spesifikasi terus ke proses 5.3.24	
5.3.23	Menyedia dan mengemukakan Laporan Semakan Kerja Tanaman (Tanaman Mengaya Secara Kontrak).	Ketua Pasukan Semakan
5.3.24	Meneliti dan menyemak Laporan Semakan Kerja Tanaman.	PPPN
5.3.25	Mengarahkan kontraktor mengemukakan Laporan Siap Kerja Tanaman Mengaya Secara Kontrak.	PPPN
5.3.26	Meneliti dan menyemak Laporan Siap Kerja Tanaman Mengaya Secara Kontrak. 5.3.26.1 Mengarahkan kontraktor memperbaiki Laporan Siap Kerja Tanaman Mengaya Secara Kontrak, sekiranya laporan tidak lengkap. 5.3.26.2 Menyediakan dokumen untuk pembayaran.	PPPN
5.3.27	Memproses bayaran kepada kontraktor.	PPPN/PA/ PPT/PT/ KPT
5.3.28	Menyediakan Laporan Prestasi Kontraktor/Pembekal seperti format di Lampiran 2.	PPPN/PHD

5.4 Carta aliran proses kerja bagi aktiviti Tanaman Mengaya Secara Kontrak adalah seperti di **Lampiran 1**.

6.0 PEMAKAIAN

6.1 Pelaksanaan arahan kerja ini adalah terpakai di peringkat JPN. Walaubagaimanapun sekiranya terdapat perubahan atau penambahbaikan ke atas arahan kerja yang digariskan, konsultasi dengan IPJPSM perlu diadakan.

7.0 TERMINOLOGI

7.1 Terminologi Proses Kerja Tanaman Mengaya Secara Kontrak adalah seperti di **Lampiran 2**.

8.0 TARIKH KUAT KUASA

8.1 Arahan kerja ini berkuatkuasa mulai tarikh Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dikeluarkan.

9.0 PEMBATALAN

9.1 Tidak berkaitan.

10.0 RUJUKAN

- 10.1 Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan berkaitan yang berkuat kuasa.
- 10.2 Manual Perhutanan Jilid II, JPSM, 2003.
- 10.3 Manual Perhutanan Jilid III, JPSM, 2003.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG)
Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

Bertarikh : 26 Oktober 2020

TERMINOLOGI

Baris Tanaman	<ul style="list-style-type: none">- baris di mana tanaman dijalankan semasa Tanaman Mengaya.
Blok Tanaman Mengaya	<ul style="list-style-type: none">- Pecahan Kawasan Kerja Tanaman Mengaya di mana setiap blok meliputi kawasan seluas lebih kurang 10 hektar.
Garis Tapak	<ul style="list-style-type: none">- suatu garis yang disediakan merintangi Kawasan Kerja Tanaman Mengaya untuk menetapkan permulaan Baris-baris Tanaman.
Hutan Simpanan Kekal	<ul style="list-style-type: none">- Kawasan tanah berhutan dan tidak berhutan yang diwartakan untuk tujuan perhutanan di bawah Seksyen 7, Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]. Pada kebiasaannya, kawasan ini hanya disebut sebagai Hutan Simpan.
Inventori Hutan Selepas Tebangan	<ul style="list-style-type: none">- inventori yang dijalankan ke atas sesuatu kawasan HSK selepas pengusahahasilan untuk mengumpul maklumat yang tepat dan bererti mengenai kedudukan stok, kandungan, keadaan dan taburan semua pokok besar, kayu jaras, anak pokok dan anak benih supaya diketahui gambaran isi hutan yang sebenar serta maklumat mengenai kewujudan papanjat, bertam dan tumbuh-tumbuhan lain untuk menentukan jenis rawatan silvikultur yang perlu dijalankan ke atas kawasan tersebut.
Kawasan Kerja Tanaman Mengaya	<ul style="list-style-type: none">- Kawasan kompartmen atau subkompartmen bagi hutan darat asli dalam HSK yang akan dijalankan tanaman mengaya.
Pelan Kawasan Tanaman	<ul style="list-style-type: none">- pelan yang disediakan berdasarkan kepada Pelan Blok Tanaman Mengaya dengan mewarnakan tapak lubang tanaman menggunakan kod-kod warna yang menunjukkan pokok ditanam yang hidup, pokok ditanam yang mati, pokok asal yang dipilih dan tapak lubang tanaman yang tidak ditanam.
Pusat Ikatan	<ul style="list-style-type: none">- satu titik rujukan di atas tanah yang digunakan sebagai punca untuk menentukan kedudukan Permulaan Garis Tapak/Stesen Permulaan Sempadan Blok Tanaman Mengaya. Pusat Ikatan lazimnya dipilih daripada ciri geografi yang kekal seperti cabang sungai, jambatan kekal, <i>benchmark</i> atau stesen trigonometri. Selain daripada ciri geografi yang kekal, Permulaan Garis Tapak blok bersebelahan boleh juga digunakan sebagai Pusat Ikatan bagi blok berikutnya.

- Rawatan Silvikultur - rawatan yang dijalankan keatas kawasan hutan dalam HSK yang telah diusaha hasilkan untuk membantu pemulihannya dan melibatkan salah satu atau lebih daripada jenis-jenis rawatan silvikultur berikut:
- (i) Memotong Akar/Pepanjat (*CL*) dan Pemusnahan Bertam; dan
 - (ii) Tanaman Mengaya.
- Stesen Permulaan Sempadan - stesen pertama dalam kerja-kerja pengukuran dan penandaan sempadan Blok Kawasan Tanaman Mengaya.
- Tanaman Mengaya - Suatu jenis rawatan silvikultur yang dilaksanakan ke atas kawasan-kawasan di dalam HSK yang telah diusaha hasil bagi membantu meningkatkan kandungan hutan tersebut supaya mencapai tahap yang dikehendaki terutamanya dari segi komposisi jenis-jenis spesies berpasaran dan bermutu tinggi.

SINGKATAN

HSK	-	Hutan Simpanan Kekal
IPJPSM	-	Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
JPN	-	Jabatan Perhutanan Negeri
KS(SIL)	-	Ketua Seksyen Silvikultur
PGT	-	Permulaan Garis Tapak
PP(HD)	-	Penolong Pengarah (Silvikultur Hutan Darat)
PA	-	Pembantu Awam
PH	-	Pengawas Hutan
PHD	-	Pegawai Hutan Daerah/Jajahan
PI	-	Pusat Ikatan
PPH	-	Penolong Pemelihara Hutan
PPHD	-	Penolong Pegawai Hutan Daerah/Jajahan
PPN	-	Pengarah Perhutanan Negeri
PPPN	-	Penolong Pengarah Perhutanan Negeri
PRH	-	Pegawai Renj Hutan
PT	-	Pembantu Tadbir
PTK	-	Pembantu Tadbir Kanan
SPS	-	Stesen Permulaan Sempadan
TPPN	-	Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri

CARTA ALIRAN PROSES TANAMAN MENGAYA SECARA KONTRAK



